A

## DCX TECHNOLOGIES SDN BHD

**lwn.**

## CHINA ROAD & BRIDGE CORPORATION & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S4-22-22-2008]
19 OKTOBER 2012

C

***KONTRAK:*** *Kemungkiran - Maklumat sulit - Maklumat sulit didedahkan kepada pihak ketiga - Sama ada pendedahan menyebabkan kemungkiran kontrak - Sama ada berlakunya ketidakjujuran dan frod - Konspirasi untuk menafikan hak dan kepentingan plaintif di bawah kontrak - Sama ada terbukti*

D

***TORT:*** *Konspirasi - Pakatan berkonspirasi - Maklumat sulit didedahkan kepada pihak ketiga menyebabkan kehilangan projek - Ketidakjujuran dan frod - Sama ada terdapat konspirasi untuk menafikan hak dan kepentingan plaintif di bawah kontrak - Perniagaan plaintif terganggu sehingga menyebabkan kerugian - Sama ada konspirasi untuk menipu plaintif dibuktikan*

E

Defendan pertama dan plaintif telah memasuki satu perjanjian ('perjanjian tersebut') di mana defendan pertama dan plaintif telah
F bersetuju, antara lain, bahawa: (i) defendan pertama, dengan sokongan dan bantuan plaintif, akan mengemukakan kepada Kerajaan Malaysia satu cadangan ('cadangan tersebut') untuk melaksanakan pembinaan dan implementasi Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang ('projek tersebut'); (ii) defendan pertama, sama ada secara sendiri
G atau melalui pihak-pihak lain, tidak akan mengemukakan atau menggunakan cadangan tersebut atau apa-apa hak yang diwujudkan untuk berunding dengan atau mengemukakan kepada Kerajaan Malaysia mengenai cadangan lain berkenaan projek tersebut; dan (iii) setiap pihak bersetuju bahawa maklumat yang
H diperolehi daripada pihak lain yang timbul daripada perjanjian tersebut adalah sulit dan pihak-pihak tidak akan mendedahkan, memberitahu atau memberikan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak ketiga. Plaintif telah memperkenalkan HSS Integrated Sdn Bhd ('HSSI') kepada defendan pertama. Kajian kebolehlaksanaan yang
I dibuat oleh HSSI telah menjadi asas pada Concept Paper dan kemudiannya, telah dimasukkan ke dalam cadangan tersebut.

Dengan sokongan dan bantuan plaintif, defendan pertama telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Kerajaan Malaysia bagi projek tersebut. Menurut plaintif, defendan pertama telah melanggar syarat-syarat dan terma-terma perjanjian tersebut apabila defendan pertama telah, tanpa pengetahuan dan kebenaran plaintif, memberikan salinan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan juga kepada China Harbour Engineering Corp, yang merupakan "sister company" kepada defendan pertama. Ini membawa kepada cadangan yang sama diusulkan kepada Kerajaan Malaysia yang menyebabkan projek tersebut diberikan kepada defendan kedua dan defendan ketiga. Pembelaan defendan pertama adalah bahawa cadangan tersebut tidak termasuk dalam ruang lingkup perjanjian tersebut dan bahawa plaintif tidak mempunyai apa-apa kepentingan kerana plaintif tidak membekalkan apa-apa "input" atau data-data teknikal kepada cadangan tersebut. Sebaliknya, plaintif menghujahkan bahawa defendan-defendan pertama dan kedua, bersama-sama dengan syarikat-syarikat lain tersebut secara tidak jujur dan secara frod, telah berpakat melakukan konspirasi untuk menafikan hak dan kepentingan plaintif di bawah perjanjian tersebut.

**Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):**

**(1)** Adalah atas usaha-usaha dan sumbangan plaintif yang membawa kepada penyediaan Concept Paper dan cadangan tersebut. Tanpa usaha plaintif, Concept Paper dan cadangan tersebut tidak akan dapat disediakan oleh defendan pertama. Plaintif, dengan itu, tidak boleh dinafikan hak mereka dalam penyediaan Concept Paper dan cadangan tersebut. Walaupun nama plaintif tidak dinyatakan dalam Concept Paper dan cadangan tersebut, namun hak mereka tidak boleh dinafikan dalam penyediaan Concept Paper dan cadangan berkenaan kerana hak plaintif telah pun dilindungi dan termaktub dalam perjanjian tersebut. (perenggan 72 & 73)

**(2)** Maklumat-maklumat yang terdapat dalam cadangan termasuk Concept Paper adalah dilindungi dan sulit. Defendan pertama mempunyai tanggungjawab di bawah perjanjian tersebut untuk memastikan bahawa maklumat-maklumat sulit dalam cadangan tersebut dilindungi dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada plaintif. Dengan pendedahan cadangan tersebut oleh defendan pertama kepada defendan-defendan kedua dan ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada plaintif, defendan pertama telah melanggar syarat-syarat perjanjian tersebut. (perenggan 75 & 76)

**(3)** Defendan kedua telah menggunakan cadangan plaintif dan defendan pertama tersebut untuk kepentingan mereka sendiri dengan menafikan hak-hak plaintif. Defendan kedua telah, secara salah di sisi undang-undang, mengganggu perniagaan plaintif sehingga menyebabkan kerugian kepada pihak plaintif. (perenggan 117 & 118)

**(4)** Defendan-defendan mempunyai pengetahuan sepenuhnya berkenaan perjanjian antara plaintif dan defendan pertama serta kepentingan dan usaha-usaha plaintif terhadap projek tersebut. Defendan-defendan telah, secara berpakat antara mereka, berkonspirasi untuk menafikan hak-hak dan kepentingan plaintif. Akibatnya, plaintif telah dinafikan haknya daripada mendapat manfaat atau kepentingan daripada projek tersebut. (perenggan 123)

**(5)** Defendan pertama yang merupakan sebahagian daripada kumpulan pihak defendan kedua, ketiga dan keempat telah mendapat keuntungan hasil daripada usaha-usaha plaintif manakala plaintif telah dinafikan hak yang patut didapatnya melalui cadangan kepunyaannya itu disebabkan oleh konspirasi menipu plaintif oleh defendan pertama hingga defendan keempat. Dalam tindakan ini, terdapat keterangan yang mencukupi bahawa konspirasi telah dilakukan. (perenggan 132)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Barretts & Baird (Wholesale) Ltd v. Institution of Professional Civil Servants [1987] IRLR 3* ***(dirujuk)***

*Central Bank of India v. Hartford Fire Insurance Co Ltd AIR 1965 SC 1288* ***(dirujuk)***

*Electro Cad Australia Pty Ltd & Ors v. Mejati RCS Sdn Bhd & Ors [1998] 3 CLJ Supp 196 HC* ***(dirujuk)***

*Ex parte Island Records Ltd and Others [1978] 1 Ch 122* ***(dirujuk)***

*National Coal Board v. Wm Neill & Son (St Helens) Ltd [1984] 1 All ER 555* ***(dirujuk)***

*Royal Selangor Golf Club v. Anglo-Oriental (M) Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 995; [1990] 3 CLJ (Rep) 37 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s. 58

*Bagi pihak plaintif - Prem Kumar (Tan Kai Sin bersamanya); T/n Kumar Partnership*

*Bagi pihak defendan pertama - Patricia Ng; T/n Skrine*

*Bagi pihak defendan kedua - A Vishnu Kumar; T/n Rajpal Fira & Vishnu*

*Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

## PENGHAKIMAN

**Rosilah Yop PK:**

**Kes Plaintif**

**[1]** Sebelum November 2002, Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang ("projek tersebut") telah dikenal pasti oleh plaintif sebagai satu projek yang berdaya maju yang akan dilaksanakan atas dasar kerajaan kepada kerajaan ("government to government basis"). Plaintif telah mencadangkan kepada defendan pertama kebolehlaksanaan memberi saingan dan memberi alternatif bidaan selain cadangan yang dikemukakan oleh pihak Jepun yang mencadangkan reka bentuk jambatan kedua tersebut dibina secara separuh jambatan separuh terowong dan dibina di bahagian utara Pulau Pinang.

**[2]** Defendan pertama dan plaintif telah memasuki satu "Memorandum of Agreement" bertarikh 27 November 2002 ("perjanjian tersebut") dan satu perjanjian sampingan bertarikh 23 November 2004 telah dipersetujui di antara defendan pertama dan plaintif. Di antara terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut plaintif dan defendan pertama bersetuju *inter alia*:

(a) Defendan pertama dengan sokongan dan bantuan plaintif akan mengemukakan kepada Kerajaan Malaysia satu cadangan untuk melaksanakan pembinaan dan implementasi projek tersebut ("cadangan tersebut");

(b) Plaintif akan menjadi entiti koordinasi di Malaysia dan defendan pertama akan menjadi entiti koordinasi di China untuk menyediakan dan mengemukakan cadangan tersebut;

(c) Sekiranya cadangan tersebut diterima oleh Kerajaan Malaysia, defendan pertama sama ada secara sendiri atau melalui satu tujuan khas atau secara bersesama dengan syarikat-syarikat China lain akan memasuki Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pembinaan dan implementasi projek tersebut;

(d) Sekiranya cadangan tersebut diterima oleh Kerajaan Malaysia, defendan pertama akan membayar atau memastikan pembayaran dibuat kepada plaintif untuk jumlah bersamaan dengan 3% jumlah nilai projek yang diawardkan kepada defendan pertama;

(e) Sekiranya cadangan tersebut diterima oleh Kerajaan Malaysia, defendan pertama akan mengsubkontrak dan mengawardkan 20% daripada nilai kontrak yang diaward kepada defendan pertama kepada plaintif;

(f) Defendan pertama sama ada secara sendiri atau melalui pihak-pihak lain tidak akan mengemukakan atau menggunakan cadangan tersebut atau apa-apa hak yang diwujudkan untuk berunding dengan atau mengemukakan kepada Kerajaan Malaysia mengenai cadangan lain berkenaan dengan projek tersebut; dan

(g) Setiap pihak akan bersetuju bahawa maklumat yang diperolehi daripada pihak lain yang timbul daripada perjanjian tersebut adalah sulit dan pihak-pihak tidak akan mendedahkan, memberitahu atau memberi maklumat tersebut kepada mana-mana pihak ketiga.

**[3]** Dengan sokongan dan bantuan plaintif, defendan pertama telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Kerajaan Malaysia berkenaan dengan projek tersebut. Plaintif mengatakan bahawa ia mempunyai hak-hak ketuanpunyaan di dalam cadangan tersebut.

**[4]** Sekitar Januari 2006, defendan pertama telah tanpa pengetahuan dan kebenaran plaintif dan untuk tujuan-tujuan yang tidak diketahui oleh plaintif memberikan salinan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan juga kepada China Harbour Engineering Corp, yang merupakan "sister company" kepada defendan pertama.

**[5]** Selanjutnya, plaintif telah diberitahu bahawa defendan kedua bersama dengan China Harbour Engineering Corp telah mengemukakan satu cadangan kepada Kerajaan Malaysia berkenaan dengan kemajuan dan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dan bahawa penyerahan cadangan tersebut tidak dikemukakan di bawah nama defendan pertama. Cadangan ini telah dikemukakan di bawah nama China Harbour Engineering Corp dan defendan kedua. Cadangan tersebut adalah serupa dengan cadangan yang disediakan oleh defendan pertama dan plaintif.

**[6]** Defendan pertama mengakui bahawa China Harbour Engineering Corp telah memintakan lukisan-lukisan dan sesalinan cadangan defendan pertama untuk mengenal pasti sama ada apa-apa kerja boleh dibuat oleh defendan pertama bersama dengan

China Harbour Engineering Corp berkenaan dengan projek tersebut dan atas alasan itu, cadangan tersebut telah diberikan oleh defendan pertama kepada China Harbour Engineering Corp. A

**[7]** Defendan pertama juga telah mengakui bahawa defendan kedua telah memintakan salinan cadangan tersebut dan cadangan itu telah diberikan kepada defendan kedua oleh defendan pertama. B

**[8]** Projek tersebut telah diawardkan kepada defendan kedua dan China Harbour Engineering Corp berdasarkan cadangan yang disediakan oleh defendan pertama dan plaintif dan pembinaan jambatan tersebut telah bermula. C

**[9]** Defendan pertama mempunyai pengetahuan dan fahaman penuh tentang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dan perjanjian sampingan tersebut dan mempunyai pengetahuan penuh tentang kepentingan plaintif dan perbelanjaan dan usaha yang diberikan oleh plaintif terhadap projek tersebut dan mempunyai pengetahuan penuh tentang obligasinya terhadap plaintif, tanpa menghiraukan kepentingan plaintif telah memberikan sesalinan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan China Harbour Engineering Corp. D E

**[10]** Walaupun defendan pertama mempunyai pengetahuan dan fahaman penuh tentang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dan perjanjian sampingan dan mempunyai pengetahuan penuh kepentingan plaintif dan perbelanjaan dan usaha yang diluahkan oleh plaintif terhadap projek tersebut membenarkan China Harbour Engineering Corp dan defendan kedua untuk menggunakan secara salah cadangan tersebut dalam mengemukakan semula cadangan tersebut sebagai kepunyaan mereka sendiri kepada Kerajaan Malaysia. F G

**[11]** Defendan pertama telah menyebabkan atau membenarkan penyertaan oleh syarikat-syarikat pihak ketiga telah memberi cadangan berkenaan yang merupakan maklumat sulit dan mengakibatkan plaintif telah hilang hak dan kepentingannya di bawah perjanjian tersebut dan perjanjian sampingan. H

**[12]** Defendan pertama telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dan perjanjian sampingan.

**[13]** Defendan pertama dan kedua bersama-sama dengan syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan defendan pertama, walaupun mempunyai pengetahuan dan fahaman penuh tentang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dan perjanjian I

sampingan secara tidak jujur dan secara frod telah berpakat melakukan konspirasi untuk nafikan hak dan kepentingan plaintif di bawah perjanjian tersebut dan perjanjian sampingan.

**[14]** Pakatan untuk konspirasi tersebut telah diniatkan dan menyebabkan plaintif dinafikan daripada menyertai dan menikmati apa-apa manfaat atau keuntungan daripada award projek tersebut oleh Kerajaan Malaysia.

**[15]** Defendan kedua melalui cara tipuan telah menyebabkan defendan pertama untuk memberikan kepadanya cadangan tersebut melalui representasinya kepada defendan pertama bahawa tujuannya adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapatnya apa-apa kerja yang boleh dibuat secara bersama dengan defendan kedua berkenaan dengan projek tersebut.

**[16]** Akibat tipuan oleh defendan kedua, defendan kedua telah memperolehi cadangan tersebut daripada defendan pertama dan kemudiannya China Harbour Engineering Corp dan defendan kedua telah mengemukakan semula cadangan tersebut kepada Kerajaan Malaysia di bawah nama mereka.

**[17]** Akibat daripada itu, plaintif telah mengalami kerugian yang tidak boleh dibaiki.

**Kes Defendan Pertama**

**[18]** Menurut suatu perjanjian bertarikh 27 November 2002 yang ditandatangani di antara plaintif dan defendan pertama, pihak-pihak telah bersetuju untuk *inter alia* bekerjasama dengan satu sama lain bagi tujuan memasar dan melobi dan akhirnya memperolehi award projek tersebut bagi suatu konsortium yang terdiri daripada defendan pertama dan syarikat-syarikat Negara China yang lain dan mana-mana pihak lain sebagaimana yang dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai balasan bagi bayaran yang dinyatakan di dalamnya untuk dibayar oleh defendan pertama kepada plaintif dalam keadaan jika defendan pertama diawardkan sebahagian daripada projek tersebut.

**[19]** Menurut perjanjian tersebut, plaintif telah memperkenalkan defendan pertama kepada pelbagai pihak di dalam dan di luar Kerajaan Malaysia (GOM) dan defendan pertama, tanpa sebarang input daripada plaintif, telah menyediakan suatu Kertas Ekonomi namun tidak ada sebarang maklum balas daripada Jabatan Perancang Ekonomi Negara (EPU) mahupun GOM.

**[20]** Tanpa sebarang input daripada plaintif, defendan pertama juga telah menyediakan dua set Deraf Cadangan Reka Bentuk (Draft Design Proposal) yang telah diserahkan kepada Perdana Menteri melalui surat. Adalah kes defendan pertama bahawa Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut bukanlah cadangan sepertimana yang telah ditakrifkan dalam perjanjian tersebut.

**[21]** Memandangkan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut tidak mengandungi sebarang input daripada plaintif, plaintif tidak memiliki sebarang hak undang-undang atau hakmilik ke atas Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut dan defendan pertama bukanlah pemegang amanah hak-hak sedemikian bagi plaintif. Defendan pertama tidak mempunyai sebarang kewajipan kepada plaintif untuk berhati-hati. Defendan pertama adalah pemilik Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut.

**[22]** Sungguhpun persetujuan terdahulu plaintif tidak diperolehi sebelum defendan pertama memajukan salinan-salinan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut kepada defendan-defendan kedua dan ketiga pada Januari 2006, persetujuan plaintif adalah tidak diperlukan.

**[23]** Defendan kedua dan ketiga telah menyatakan hasrat mereka untuk bekerjasama dengan defendan pertama untuk membantu defendan pertama. Ia bukanlah satu kemungkiran perjanjian tersebut untuk defendan pertama memajukan salinan-salinan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut kepada mereka. Dalam apa jua keadaan pun, defendan pertama telah memaklumkan pengarah plaintif bahawa ia telah memajukan salinan-salinan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut kepada defendan kedua dan ketiga dan plaintif tidak membangkitkan sebarang bantahan pada masa tersebut.

**[24]** Defendan pertama juga tidak melanggar perjanjian tersebut dalam memajukan salinan-salinan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut kepada defendan kedua dan ketiga.

**[25]** Defendan pertama tidak mengakui bahawa ia telah memungkiri mana-mana terma perjanjian tersebut dan defendan pertama tidak pernah memungkiri terma-terma perjanjian tersebut.

**[26]** Defendan pertama tidak mendedahkan atau melepaskan sebarang maklumat sulit sebagaimana yang ditakrifkan dalam perjanjian tersebut kepada defendan kedua atau defendan ketiga atau kepada mana-mana pihak yang lain.

**[27]** Defendan pertama tidak pernah membenarkan defendan ketiga atau defendan kedua menggunakan Deraf Cadangan Reka Bentuk tersebut untuk apa-apa kegunaan kecuali untuk mereka membantu atau bekerjasama dengan defendan pertama untuk memperolehi award projek tersebut iaitu di mana defendan pertama adalah sebahagian daripada konsortium yang diawardkan projek tersebut.

**[28]** Defendan pertama tidak pernah berpakat secara sulit atau bersubahat dalam apa jua cara pun dengan defendan kedua, ketiga dan keempat untuk memperdaya plaintif atau untuk melucutkan hak plaintif. Pada semua masa material, defendan pertama ingin menjadi entiti yang diawardkan sebahagian daripada projek tersebut dan telah melakukan segala usaha dalam kuasanya untuk cuba memperolehi sebahagian daripada projek tersebut.

**[29]** Plaintif tidak berhak kepada jumlah-jumlah yang diplidkan terhadap defendan pertama dalam perenggan-perenggan 51, 52 dan 53 penyataan tuntutan terpinda. Defendan pertama tidak pernah diawardkan sebarang bahagian daripada projek tersebut dan pengecualian defendan pertama daripada projek tersebut telah diakibatkan sebab-sebab yang berada di luar kawalan defendan pertama.

**[30]** Sekiranya plaintif telah melaksanakan kesemua tanggungjawabnya di bawah perjanjian tersebut, defendan pertama sepatutnya telah diawardkan sebahagian daripada projek tersebut.

**Kes Defendan Kedua**

**[31]** Defendan kedua tidak menyalahgunakan cadangan tersebut bagi pembangunan dan pelaksanaan projek itu dan tidak mengemukakan semula cadangan itu kepada Kerajaan Malaysia secara bersama dengan defendan ketiga ataupun di bawah nama defendan kedua sendiri, ataupun mahu mengecualikan plaintif.

**[32]** Defendan kedua tidak membuat sebarang misrepresentasi, penyalahgunaan, ataupun tipuan ataupun penyubahatan ataupun konspirasi dengan defendan kedua dan ketiga ataupun dengan sebarang pihak untuk menafikan hak dan kepentingan plaintif.

**[33]** Defendan kedua tidak membuat sebarang janji atau representasi kepada plaintif ataupun kepada defendan pertama untuk mendapatkan perjanjian usahasama di antara defendan pertama dan defendan kedua untuk mendapatkan projek itu dan membina jambatan tersebut.

**[34]** Defendan kedua tidak mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Malaysia untuk projek itu. Kerajaan Malaysia tidak mengawardkan projek itu kepada defendan kedua ataupun nomininya ataupun syarikat-syarikat bersekutunya.

**[35]** Memandangkan jambatan itu adalah projek kerajaan dengan kerajaan, ia adalah pihak berkuasa China yang akan membuat keputusan yang entiti China manakah yang akan terlibat dalam projek itu dan Kerajaan Malaysia akan memutuskan entiti manakah yang akan mendapatkan projek itu. Itu adalah di luar kuasa defendan kedua untuk mempengaruhi ataupun arahkan sesuatu kerajaan yang entiti manakah yang akan terlibat dalam projek itu dan entiti manakah yang berhak kepada projek itu.

**Defendan Ketiga Dan Keempat**

**[36]** Writ saman telah pun luput terhadap defendan ketiga dan keempat dan pada 6 Ogos 2012 writ berkenaan telah dibatalkan.

**Penilaian Dan Pendapat Mahkamah**

**[37]** Ikatan dokumen bertanda 'H' merupakan isu-isu untuk dibicarakan di antara plaintif dan defendan pertama. Manakala ikatan dokumen bertanda 'I' merupakan isu-isu yang dipersetujui untuk dibicarakan antara plaintif dan defendan kedua. Saya pertimbangkan semua isu-isu ini secara keseluruhannya seperti berikut.

**[38]** Adalah fakta yang dipersetujui bahawa defendan pertama dan plaintif telah memasuki satu Memorandum of Agreement bertarikh 27 November 2002 (perjanjian tersebut) di mana terma-terma dan syarat-syarat telah dipersetujui di antara defendan pertama dan plaintif seperti yang diplidkan di dalam perenggan 7(a) ke 7(k) penyata tuntutan terpinda. Defendan pertama dan plaintif telah bersetuju untuk melanjutkan perjanjian tersebut kepada tarikh 26 November 2006 melalui perjanjian sampingan bertarikh 23 November 2004.

**[39]** Plaintif telah melakukan kerja-kerja bagi membantu dan menyokong cadangan defendan pertama kepada Kerajaan Malaysia berkenaan projek tersebut. Plaintif telah mengenal pasti projek tersebut merupakan projek yang berdaya maju untuk dilaksanakan atau dasar "kerajaan dengan kerajaan".

**[40]** Keterangan plaintif ini disokong oleh recital C perjanjian tersebut (ikatan B ms. 15) juga keterangan SD1.

**[41]** Keterangan plaintif yang disokong oleh keterangan SD1 bahawa plaintif telah pun memberitahu defendan pertama bahawa telah ada cadangan yang dikemukakan oleh pihak Jepun yang mencadangkan reka bentuk jambatan kedua tersebut untuk dibina di bahagian utara Pulau Pinang.

**[42]** Plaintif telah mencadangkan kepada defendan pertama untuk meningkatkan peluang dalam mendapatkan projek tersebut supaya defendan pertama perlu memfokuskan pembinaan jambatan di selatan Pulau Pinang kerana kecenderungan Kerajaan Malaysia lebih terarah untuk memesatkan pembangunan di bahagian selatan bagi memastikan pembangunan yang seimbang.

**[43]** Plaintif selanjutnya mengusahakan dan mengusul kepada defendan pertama bahawa sokongan dari Kerajaan Republik China untuk membincang pembinaan projek tersebut atas pembiayaan "kerajaan atas kerajaan". Keterangan dari saksi plaintif ini disokong oleh SD1 seperti berikut:

Q : It was the Plaintiff who also told you that in order to be competitive, you have to prepare a government to government loan?

A : Yes, we discussed and I agree.

**[44]** Diakui oleh SD1, di dalam keterangan beliau bahawa HSS Integrated Sdn Bhd (HSSI) telah membuat kajian kebolehlaksanaan untuk opsyen di bahagian selatan Pulau Pinang. Plaintif tahu tentang kajian ini, plaintif lalu perkenalkan prinsipal HSSI ini kepada defendan pertama iaitu Encik Kunasingam (Kuna). Keterangan SD1:

Q : Mr. Kuna of HSSI was introduced by Hugh of the Plaintiff to you?

A : Yes.

**[45]** Hasil dari perkenalan itu, HSSI telah memberi kajian kebolehlaksanaan berkenaan kepada defendan pertama. Kajian kebolehlaksanaan yang dibuat oleh HSSI tersebut telah menjadi

asas pada Concept Paper dan kemudiannya telah dimasukkan ke dalam cadangan tersebut berkenaan. Keterangan SD1 mengenai kajian kebolehlaksanaan yang digunakan oleh mereka adalah seperti berikut:

Q : Did you use the feasibility study in the preparation of the proposal?

A : Yes.

Q : In particular, you agree with me that you used the alignment ratio in the feasibility study?

A : Yes.

Q : Without the alignment in the feasibility study, it would be impossible to prepare them?

A : Yes.

Q : You could have never obtained the informations (informations provided for by HSSI) had it not been the relation of Hugh and Kuna?

A : I agree.

**[46]** Defendan pertama kemudiannya membentuk satu konsortium yang mengandungi kolaboratur yang sama yang diperkenalkan oleh plaintif iaitu Pembinaan Kery Sdn Bhd, Kuoh Group dan Minsec Engineering Sdn Bhd yang mana defendan pertama telah sama-sama menghantar kertas kerja awalan Concept Paper projek tersebut kepada pejabat Perdana Menteri.

**[47]** SD1 semasa disoal balas telah bersetuju yang beliau membantu menyediakan surat kepada Kerajaan Malaysia. SD1 setuju yang cadangan pada ikatan B ms. 52 hingga 148 telah dihantar kepada Kerajaan Malaysia.

**[48]** Dari keterangan plaintif yang tidak tercabar bahawa plaintif telah mengaturkan dan adakan beberapa mesyuarat dengan SD1 (Hu Bin), agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Kerajaan Malaysia sendiri.

**[49]** Usaha-usaha dan sumbangan plaintif dalam cadangan tersebut telah diakui dan diterima oleh defendan pertama. Melalui surat dari defendan pertama kepada plaintif bertarikh 20 Februari 2006 (ikatan B ms. 206 dan 207) usaha-usaha dan sumbangan plaintif telah diakui dan diterima oleh defendan pertama.

**[50]** Defendan pertama dan defendan kedua tidak dapat menyangkal akan usaha-usaha yang dilakukan oleh plaintif. Malahan dari keterangan SD1, beliau telah akui akan usaha-usaha yang dilakukan oleh plaintif.

**[51]** Di dalam perkara-perkara di atas, plaintif telah mematuhi obligasi beliau di bawah perjanjian tersebut.

**Sama Ada Defendan Pertama Telah Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian Tersebut Bila Defendan Pertama Menyerahkan Cadangan Tersebut Kepada Defendan Kedua Dan Defendan Ketiga**

**[52]** Dari fakta-fakta yang dipersetujui antara plaintif dengan defendan pertama (ikatan F) adalah merupakan fakta yang dipersetujui bahawa defendan pertama telah memberikan sesalinan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga sekitar Januari 2006.

**[53]** Kes plaintif adalah bahawa defendan pertama telah melanggar syarat-syarat dan terma-terma perjanjian tersebut bila defendan pertama menyerahkan cadangan berkenaan kepada defendan kedua dan defendan ketiga, tanpa pengetahuan dan kebenaran plaintif. Fakta ini telah membawa kepada cadangan yang sama telah dihantar kepada Kerajaan Malaysia yang menyebabkan projek diawardkan kepada defendan kedua dan defendan ketiga.

**[54]** Pembelaan defendan pertama adalah bahawa:

(i) Cadangan tidak bermaksud cadangan dalam ambit definisi dalam perjanjian tersebut;

(ii) Plaintif tidak membangkitkan sebarang bantahan setelah defendan pertama menjelaskan kepada plaintif mengapa defendan pertama memberi sesalinan cadangan tersebut kepada defendan ketiga; dan

(iii) Plaintif tidak mempunyai apa-apa kepentingan kerana plaintif tidak membekalkan apa-apa input atau data-data teknikal kepada cadangan tersebut.

**[55]** Perkataan atau bahasa yang digunakan di dalam perjanjian tersebut adalah jelas dan tiada apa-apa kekaburan. Dalam keadaan ini, mahkamah mesti memberi kesan kepada niat pihak-pihak dengan merujuk kepada perkataan yang digunakan di dalam

perjanjian tersebut sahaja. Sokongan untuk cadangan ini ditemui dalam kes *Royal Selangor Golf Club v. Anglo-Oriental (M) Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 995; [1990] 3 CLJ (Rep) 37, di mana Lim Beng Choon J menyatakan:

> In considering the disputes of the parties I must first of all bear in mind the principles of construction of contract as enunciated in the *National Coal Board v. Wm Neil & Son (St Helens) Ltd* [1984] 1 All ER 555 where it is said at p. 560:
>
> The first two issues involve the construction of the contract. I bear in mind the principles of construing a contract. The relevant ones for the purpose of this case are:
>
> (1) construction of a contract is a question of law;
>
> (2) where the contract is in writing the intention of the parties must be found within the four walls of the contractual documents; it is not legitimate to have regard to extrinsic evidence (there is, of course, no such evidence in this case);
>
> (3) a contract must be construed as at the date it was made: it is not legitimate to construe it in the light of what happened years or even days later;
>
> (4) the contract must be construed as a whole, and also, so far as practicable, to give effect to every part of it.

**[56]** Dalam kes *Central Bank of India v. Hartford Fire Insurance Co Ltd* AIR 1965 SC 1288, Supreme Court of India menekankan prinsip kedua dengan merujuk pada kes *National Coal Board v. Wm Neill & Son (St Helens) Ltd* [1984] 1 All ER 555 yang menyatakan pada ms. 1290 seperti berikut:

> Now it is commonplace that it is the Court's duty to give effect to the bargain of the parties according to their intention and when that bargain is in writing the intention is to be looked for in the words used unless they are such that one may suspect that they do not convey the intention correctly. If those words are clear, there is very little that the Court has to do. The Court must give effect to the plain meaning of the words however much it may dislike the result.

**[57]** Klausa 1.1 perjanjian tersebut memperuntukkan:

> "Proposal" means the proposal for the construction and implementation of the Project to be submitted by CRBC pursuant to Clause 5 of this Agreement which shall set forth in detail, the

A scope of works, alignment, design parameters, construction programme, costs, financing plan and any maintenance and operation of the Project if so required.

**[58]** Dari keterangan yang dikemukakan, cuma terdapat satu cadangan sahaja yang dikemukakan. Cadangan ini terdapat dua versi iaitu versi I (ikatan B ms. 52-109) dan versi II I (ikatan B ms. 110-148) yang dibuat oleh plaintif dan defendan pertama.

**[59]** Mengikut keterangan saksi plaintif yang disokong oleh keterangan SD1, bahawa plaintif merupakan pihak yang mengkoordinat sahaja mengikut perjanjian tersebut. Plaintif tidak diperlukan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan atau mengadakan input atau data teknikal bagi penyediaan Concept Paper yang dimasukkan ke dalam cadangan tersebut. Mengikut perjanjian tersebut yang tidak dipertikaikan oleh plaintif dan defendan pertama input teknikal perlu disediakan oleh defendan pertama.

**[60]** Klausa 5.3 memperuntukkan:

> Dectra shall provide all necessary cooperation and assistance to CRBC in relation to the preparation and submission of the Proposal including but not limited to providing information and references as may be required by CRBC in a timely manner.

**[61]** Klausa 5.4 memperuntukkan:

> Dectra shall provide such cooperation, assistance and support as may be required to facilitate the presentation and discussion of the Proposal between CRBC and the Government of Malaysia.

**[62]** Adalah menjadi obligasi defendan pertama untuk membuat kajian kebolehlaksanaan dan juga untuk menyediakan Concept Paper dan cadangan, kl. 4.2 perjanjian tersebut menyatakan:

> Feasibility studies shall be carried out by CRBC upon the execution of this Agreement.

**[63]** Klausa 4.3 berbunyi:

> Upon the conclusion of the feasibility studies, CRBC shall prepare and submit a Proposal to the Government of Malaysia.

**[64]** Berdasarkan pada Concept Paper, defendan pertama telah menyediakan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun dari keterangan yang ada, atas usaha plaintif, cadangan tersebut dapat disediakan oleh defendan pertama.

**[65]** Cadangan tersebut mengandungi segala maklumat-maklumat yang relevan dan perlu bagi mendapatkan projek berkenaan. A

**[66]** Surat dari defendan pertama kepada Perdana Menteri bertarikh 22 Disember 2004 pada ms. 154 dan 155 pada ikatan B, defendan pertama menyatakan: B

> ... we ... are pleased to submit one (1) copy of the Preliminary Technical Proposal for the Proposed Implementation of the Penang Second Crossing for government attention. ...
>
> ... with this we would like to request for an appointment to put forward our technical and financial proposal to your esteemed self. C
>
> ...
>
> ... China Road and Bridge Corporation is willing and ready to arrange the necessary finding to finance the construction, completion and maintenance of the Proposed Second Penang Bridge ... D

**[67]** Di dalam keterangan SD1, SD1 bersetuju bahawa cadangan tersebut adalah cadangan bersama di mana tuan punya kepada cadangan tersebut adalah terletak secara bersama dengan plaintif dan defendan pertama. E

**[68]** Keterangan SD1 dari defendan pertama ini disokong oleh surat defendan pertama sendiri (ikatan B ms. 206 dan 207) yang bertarikh 20 Februari 2006 mengaku *inter alia* "... admits that the proposal is actually our proposal". F

**[69]** Cadangan yang terdapat pada ikatan B ms. 52 - 109 mempunyai tiga opsyen jenis-jenis struktur, lukisan-lukisan, ukuran-ukuran dan semua maklumat-maklumat yang relevan untuk membina projek tersebut. Kerajaan Republik China telah bersedia dan sanggup untuk membiaya projek berkenaan atas dasar kerajaan dengan kerajaan. Defendan pertama telah mempresentasikan kepada Kerajaan Malaysia yang mereka boleh laksanakan projek tersebut dengan cara fast track basis. Tidak ada cara untuk projek tersebut dibuat secara fast track oleh defendan pertama sekiranya cadangan itu tidak menyeluruh dan lengkap. G H

**[70]** Fakta-fakta ini mengestablishkan dan menjurus pada mahkamah untuk membuat inferens bahawa cadangan tersebut adalah menyeluruh dan lengkap untuk defendan pertama mengikut maksud kl. 1.1 perjanjian tersebut. I

**[71]** Adalah obligasi atau tanggungjawab defendan pertama untuk mematuhi kehendak kl. 1.1 dan bukannya plaintif.

**[72]** Plaintif telah kemukakan keterangan yang mencukupi untuk establishkan bahawa adalah atas usaha-usaha dan sumbangan plaintif yang membawa kepada penyediaan Concept Paper dan cadangan tersebut.

**[73]** Tanpa usaha plaintif, Concept Paper dan cadangan tersebut tidak akan dapat disediakan oleh defendan pertama. Plaintif dengan itu tidak boleh dinafikan hak mereka dalam penyediaan Concept Paper dan cadangan tersebut. Nama plaintif tidak dinyatakan dalam Concept Paper dan cadangan tersebut namun tidak boleh menafikan hak mereka dalam penyediaan Concept Paper dan cadangan berkenaan kerana hak plaintif telah pun dilindungi dan termaktub di dalam perjanjian tersebut.

**[74]** Adalah tidak tepat untuk defendan pertama menyatakan yang cadangan tersebut bukan merupakan cadangan seperti yang ditafsirkan di bawah perjanjian berkenaan.

**[75]** Dengan penelitian pada kl. 1.1, kl. 4.6 dan kl. 7.1 perjanjian tersebut adalah jelas bahawa maklumat-maklumat yang terdapat di dalam cadangan termasuk Concept Paper adalah dilindungi dan sulit.

**[76]** Adalah tanggungjawab defendan pertama di bawah perjanjian tersebut untuk pastikan yang maklumat-maklumat sulit di dalam cadangan tersebut adalah dilindungi dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali dengan kebenaran bertulis daripada plaintif. Dengan defendan pertama mendedahkan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada plaintif, jelas menunjukkan yang defendan pertama telah melanggar syarat-syarat perjanjian tersebut.

**Sama Ada Plaintif Membenarkan Defendan Pertama Untuk Memberi Cadangan Tersebut Kepada Defendan Kedua Dan Defendan Ketiga**

**[77]** Peguam defendan pertama menghujahkan bahawa plaintif tidak pernah membantah terhadap tindakan defendan pertama memberi cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga. Maka dengan itu plaintif telah membenarkan defendan pertama memberi cadangan tersebut pada defendan kedua dan defendan ketiga dan plaintif tidak lagi boleh membangkitkan isu ini.

**[78]** Peguam plaintif menghujahkan yang plaintif tidak pernah memberi kebenaran kepada defendan pertama untuk bertindak demikian.

**[79]** Keterangan plaintif mengenai isu ini adalah jelas. SP1 di dalam keterangannya menyatakan yang beliau bersedia untuk bekerja dengan defendan kedua jika dengan SP1 berbuat demikian hak plaintif adalah dilindungi atau terjamin.

**[80]** SD1 di dalam testimoni beliau selanjutnya menyatakan yang plaintif tidak pernah membantah tindakan defendan pertama memberi cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga. Defendan pertama telah merujuk pada surat dari plaintif kepada defendan pertama bertarikh 6 Februari 2006 (ikatan B ms. 198 dan 199) yang kononnya menyatakan yang defendan pertama yang sepatutnya tandatanganinya dengan Dato' Latif dan bukannya defendan kedua.

**[81]** Daripada keseluruhan keterangan yang dikemukakan, mahkamah membuat inferens kenapa plaintif menulis surat ini adalah kerana pada awal tahun 2006, plaintif dapati yang defendan pertama telah memberi cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga.

**[82]** SD2 daripada defendan kedua mempunyai hubungan politik dengan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi, SD2 (Dato' Latif) menyatakan yang beliau adalah orang utama yang diberi tanggungjawab untuk menjaga projek tersebut.

**[83]** Keterangan ini disokong oleh surat bertarikh 1 Mac 2006 - ikatan B ms. 208 hingga 210 daripada defendan pertama kepada Setiausaha Sulit Utama Perdana Menteri pada masa itu. Pada perenggan terakhir ms. 209 menyatakan:

> Dato' Latif confirmed at the discussions that he was "the key person" of the Second Crossing ...

**[84]** Plaintif dan defendan pertama telah pun bekerjasama untuk projek tersebut selama lebih kurang empat tahun bermula dari tahun 2002. Memandangkan SD2 merupakan seorang yang berpengaruh dan lebih penting lagi defendan pertama telah pun memberi cadangan tersebut kepada defendan kedua. Dalam keadaan ini plaintif tidak ada pilihan melainkan mencadangkan yang

defendan pertama bekerjasama dengan defendan kedua untuk memastikan yang kerja-kerja yang telah dibuat antara plaintif dan defendan pertama sejak 2002 di dalam projek tersebut tidak akan terjejas dan tidak akan menjadi sia-sia.

**[85]** Adalah dipersetujui di antara plaintif dan defendan pertama bahawa segala maklumat-maklumat yang diperolehi dari pihak-pihak lain menurut perjanjian ini merupakan maklumat-maklumat yang sulit.

**[86]** Klausa 7.1 perjanjian memperuntukkan:

> 7.1 - Each party agrees to keep and procure to be kept confidential all information obtained from the other party pursuant to this Agreement ("Confidential Information").

**[87]** Klausa 7.2 berbunyi:

> Each party shall not at any time divulge, disclose or otherwise furnish to any third party the Confidential Information or any put thereof unless such Confidential Information:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (c) is approved for release by prior written authorization by owner of the Confidential Information.

**[88]** Dari keterangan SD1, SD1 akui yang cadangan tersebut merupakan cadangan yang disediakan bersama antara plaintif dan defendan pertama.

**[89]** Defendan pertama telah memberi cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga. SD1 di dalam pemeriksaan balasnya akui yang defendan pertama tidak mendapat kebenaran bertulis daripada plaintif untuk memberikan cadangan tersebut kepada defendan pertama dan defendan kedua. SD1 seterusnya akui bahawa tidak juga terdapat apa-apa surat dari plaintif membenarkan cadangan tersebut diberikan kepada defendan pertama dan defendan kedua.

**[90]** Defendan pertama dengan itu telah melanggar kl. 7, perjanjian antara plaintif dan defendan tersebut dengan memberikan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga tanpa kebenaran plaintif.

**[91]** Adalah juga menjadi pembelaan defendan pertama bahawa defendan pertama tidak mempunyai kuasa kawalan ke atas Kerajaan Malaysia kepada siapakah mereka akan mengawardkan projek tersebut.

**[92]** Pihak plaintif di dalam hujahannya mengakui tentang fakta ini. Tetapi ini bukan merupakan kes plaintif. Kes plaintif adalah defendan pertama tanpa kebenaran plaintif telah memberikan cadangan tersebut kepada defendan kedua dan defendan ketiga dan defendan kedua dan defendan ketiga mengetahui tentang perkara berkenaan terus menggunakan cadangan tersebut bagi mendapatkan projek tersebut.

**[93]** Telah diestablishkan yang defendan kedua dan defendan ketiga telah perolehi cadangan tersebut yang dibuat atas hasil usaha plaintif dan defendan kedua tanpa kebenaran plaintif.

## Sama Ada Plaintif Merupakan Tuan Punya Kepada Cadangan Tersebut

**[94]** Diakui oleh SD1 di dalam keterangan yang cadangan tersebut telah disediakan atas usahasama plaintif dan defendan pertama. Usahasama ini termaktub di dalam perjanjian di antara plaintif dan defendan pertama bertarikh 27 November 2002 - ikatan B ms. 15 hingga 23, dan perjanjian sampingan bertarikh 23 November 2004 - ikatan B ms. 24 hingga 27.

**[95]** Melalui kl. 4.3 dan 5.2 telah dipersetujui antara plaintif dan defendan pertama bahawa defendan pertama akan menyediakan cadangan tersebut.

**[96]** Klausa 5.4 perlu memperuntukkan yang plaintif akan membantu dan memberi kerjasama pada defendan pertama dalam penyediaan cadangan berkenaan.

**[97]** Dipersetujui melalui perjanjian ini bahawa segala maklumat yang diperolehi oleh plaintif dan defendan pertama dari mana-mana pihak bagi tujuan perjanjian ini adalah sulit.

**[98]** Dan pihak-pihak boleh mendedahkan maklumat-maklumat berkenaan hanya dengan kebenaran pihak plaintif dan defendan pertama sahaja.

**[99]** Diakui oleh SD1 yang cadangan tersebut disediakan oleh defendan pertama dengan bantuan dan kerjasama dari plaintif.

**[100]** Dengan persetujuan yang dipersetujui oleh plaintif dan defendan pertama ini seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian tersebut adalah niat plaintif dan defendan pertama bahawa cadangan tersebut adalah kepunyaan plaintif dan defendan pertama dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak lain tanpa kebenaran bertulis sama ada dari plaintif atau defendan pertama.

**[101]** Saya dapati plaintif dan defendan pertama adalah tuan punya kepada cadangan tersebut. Plaintif adalah pengarah pada defendan pertama dan defendan pertama adalah pemegang amanah pada plaintif.

**[102]** Dengan defendan pertama memberi cadangan tersebut pada defendan kedua dan defendan ketiga tanpa kebenaran bertulis dari plaintif, maka defendan pertama telah melanggar syarat-syarat perjanjian tersebut.

**[103]** Defendan kedua di dalam pembelaannya menyatakan:

(i) Defendan kedua tidak pernah mengambil cadangan plaintif tersebut;

(ii) Defendan kedua tidak pernah menyerahkan semula cadangan plaintif kepada Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan projek berkenaan;

(iii) Defendan kedua tidak diawardkan dengan projek tersebut; dan

(iv) Kerajaan Malaysia yang akan memutuskan siapa yang akan diawardkan dengan projek tersebut.

**[104]** Adalah fakta yang tidak dapat disangkal di mana telah diakui oleh SD1 sendiri bahawa cadangan tersebut dibuat secara bersama antara plaintif dan defendan pertama telah diserahkan kepada defendan kedua. Di dalam ikatan F iaitu fakta yang dipersetujui antara plaintif dan defendan pertama telah dipersetujui bahawa defendan pertama telah menyerahkan cadangan tersebut kepada defendan kedua pada sekitar Januari 2006. Fakta yang dipersetujui tidak perlu dibuktikan - rujuk s. 58, Akta Keterangan 1950.

**Sama Ada Cadangan Plaintif Tersebut Telah Dihantar Semula Oleh Defendan Kedua Kepada Kerajaan Malaysia**

**[105]** Adalah tidak dinafikan bahawa CHEC (M) Sdn Bhd iaitu pejabat tempatan defendan ketiga telah diawardkan projek berkenaan bersama dengan konsortium tempatan termasuklah defendan kedua.

**[106]** Defendan pertama merupakan sister company kepada defendan ketiga. SD1 dari defendan pertama mengesahkan bahawa defendan kedua dan defendan ketiga telah menggunakan cadangan tersebut dan menyerahkan cadangan tersebut sebagai kepunyaan mereka sendiri kepada Kerajaan Malaysia.

**[107]** Keterangan ini jelas diperolehi daripada surat defendan pertama bertarikh 1 Mac 2006 (ikatan B ms. 208 hingga 210) yang dihantar kepada Setiausaha Sulit Utama di pejabat Perdana Menteri. Kandungan surat antara lain berbunyi:

> In December 2005, a sister company China Harbour Engineering Company (CHEC) took a copy of our proposals on the Second Crossing on the pretext of exploring what work they could do with/for us. On 11th January 2006 CHEC also borrowed the Animation Demo of Draft Design Proposal (CD) from CRBC. On 12th January 2006 CRBC, upon request, delivered to HRA Teguh Sdn Bhd two sets of Design Proposal and Drawings to Mr. Hashim bin Othman, the Managing Director of HRA Sdn Bhd. In February this year, we were shocked to learn that CHEC together with HRA Teguh Sdn Bhd had submitted to the Prime Minister the original CRBC proposals as their own. We also have subsequently learnt from the Chinese embassy that they too were misinformed by CHEC and that the Letter of Support shown by CHEC was given by the Trade Commissioner based on the misrepresentations by the local office of CHEC that they were working together with CRBC.

**[108]** SD1 di dalam surat beliau bertarikh 20 Februari 2006 (ikatan B ms. 206) yang dihantar kepada plaintif menyatakan:

> So when HRA Teguh Sdn Bhd (Defendan Kedua) asked that a fully copy of our proposal be sent to their office, I was happy to oblige our "partner". It was never suspected that they were both (Defendan Kedua dan Defendan Ketiga) accomplices to cheat us and would have the audacity to submit our exact proposal to the Prime Minister as their own.

**[109]** Keterangan-keterangan di atas ini, tidak dapat dicabar oleh defendan kedua. Atas imbangan kebarangkalian keterangan yang tidak dicabar ini membuktikan yang defendan kedua telah mengambil salinan cadangan tersebut yang dipunyai oleh plaintif dan defendan pertama sebagai cadangan mereka sendiri dan menghantarnya ke pejabat Perdana Menteri.

**[110]** Defendan kedua menyatakan bahawa projek tersebut telah ditawarkan secara tender terbuka dan defendan kedua dapat projek tersebut secara tender terbuka dan bukannya secara mengemukakan cadangan tersebut ke pejabat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun tidak ada iota keterangan dokumen bagi membuktikan yang defendan kedua mendapat projek tersebut secara tender terbuka.

**[111]** Beban adalah atas defendan kedua untuk membuktikannya. Sekiranya pun jika benar defendan kedua mendapat projek tersebut secara tender terbuka, tapi tidak dapat disangkal oleh defendan kedua yang mereka telah menggunakan cadangan tersebut dari plaintif dan defendan pertama bagi mendapatkan projek tersebut.

**[112]** Selanjutnya SD2 dari defendan kedua akui bahawa tidak ada cadangan yang mereka sendiri sediakan. Defendan kedua tidak membuat kajian kebolehlaksanaan dengan CHEC Shanghai untuk projek tersebut.

## Sama Ada Defendan Kedua Secara Salah Di Sisi Undang-Undang Mengganggu Perniagaan Plaintif

**[113]** Mengikut Lord Denning MR dalam kes *Ex parte Island Records Ltd and Others* [1978] 1 Ch 122, pada ms. 136 menyatakan:

> A man who is carrying on a lawful trade or calling has a right to be protected from any unlawful interference with it: see *Acrow (Automation) Ltd v. Rex Chainbelt Inc* [1971] 1 WLR 1676.

**[114]** Mengikut Henry J, dalam kes *Barretts & Baird (Wholesale) Ltd v. Institution of Professional Civil Servants* [1987] IRLR 3, intipati tort adalah gangguan yang disengajakan ke atas kepentingan plaintif dengan cara yang menyalahi undang-undang. Pada ms. 10, yang arif hakim menyatakan bahawa niat untuk mencederakan mestilah menjadi punca penyumbang kepada kerugian plaintif.

**[115]** SD1 di dalam testimoni beliau menyatakan yang beliau telah menerangkan pada SD2 yang plaintif serta defendan pertama terlibat di dalam projek tersebut dengan menyediakan cadangan tersebut.

**[116]** Jelas dari keterangan SD1 sebelum ini yang defendan pertama telah memberi cadangan tersebut tanpa kebenaran plaintif, defendan kedua telah meminta cadangan tersebut dari plaintif yang mana defendan kedua tahu yang cadangan tersebut merupakan cadangan yang diusahakan oleh plaintif dan defendan pertama bagi mendapatkan projek tersebut.

**[117]** Defendan kedua telah menggunakan cadangan tersebut dari plaintif dan defendan pertama tersebut untuk kepentingan mereka sendiri dengan menafikan hak-hak plaintif.

**[118]** Berdasarkan pada autoriti di atas dan keterangan dikemukakan, defendan kedua telah secara salah di sisi undang-undang mengganggu perniagaan plaintif sehingga menyebabkan kerugian di pihak plaintif.

## Sama Ada Defendan Pertama Dan Defendan Kedua Berkonspirasi Untuk Menipu Plaintif

**[119]** Defendan pertama di dalam pembelaannya menafikan tentang isu ini dan menafikan yang plaintif telah dinafikan hak-haknya di bawah perjanjian tersebut dan juga perjanjian sampingan.

**[120]** Defendan kedua di dalam pembelaannya menafikan sebarang konspirasi untuk menafikan hak dan kepentingan plaintif. Pada Januari 2006, defendan pertama dan defendan kedua telah bergabung dan selepas gabungan tersebut, Kedutaan China memaklumkan melalui surat bertarikh 11 Februari 2006 yang defendan ketiga adalah syarikat yang dikenal pasti untuk projek tersebut.

**[121]** Plaintif juga bergantung kes pada konspirasi oleh defendan pertama dan kedua untuk mencederakan plaintif.

**[122]** Di dalam kes *Electro Cad Australia Pty Ltd & Ors v. Mejati RCS Sdn Bhd & Ors* [1998] 3 CLJ Supp 196; [1998] 3 MLJ 422 pada ms. 221 (CLJ); 449 (MLJ) mahkamah menyatakan:

> The law of conspiracy consists of an agreement of two or more persons to do an unlawful act or to do a lawful act by unlawful means for the purpose of injuring another whereby the said act results in damage to the other (see *Sorrell v. Smith* [1925] AC 700 and *Yap JH v. Tan Sri Loh Boon Siew & Ors* [1991] 3 CLJ 2960; [1991] 4 CLJ (Rep) 243).

**[123]** Defendan pertama dan defendan kedua, defendan ketiga berserta defendan keempat mempunyai pengetahuan sepenuhnya berkenaan perjanjian tersebut antara plaintif dan defendan pertama serta kepentingan dan usaha-usaha plaintif terhadap projek tersebut. Defendan-defendan telah berpakat berkonspirasi di antara mereka untuk menafikan hak-hak dan kepentingan plaintif. Akibat daripada itu plaintif telah dinafikan hak beliau daripada mendapat manfaat atau kepentingan di dalam projek tersebut.

**[124]** SD2 daripada defendan kedua telah membuat representasi kepada defendan pertama yang beliau adalah orang utama yang diberi tanggungjawab menjaga projek tersebut dan beliau berminat untuk bekerjasama dalam projek tersebut dengan defendan pertama. Dengan itu defendan pertama telah memberi cadangan kepunyaan plaintif dan defendan pertama kepada defendan kedua. Keterangan SD1 semasa disoal balas menyatakan:

> Q : Similarly, you extended the Proposal to HRA under the pretext that they were going to work jointly with you?
>
> A : Yes.

**[125]** Begitu juga dengan defendan ketiga telah membuat representasi kepada defendan pertama yang defendan ketiga ingin terlibat dengan defendan pertama di dalam projek tersebut. Atas representasi tersebut maka defendan pertama telah menyerahkan cadangan tersebut kepada defendan ketiga tanpa sebarang kebenaran bertulis daripada plaintif.

**[126]** Mengikut keterangan surat dari defendan pertama kepada plaintif bertarikh 20 Februari 2006 (ikatan B ms. 206 dan 207) pada perenggan 2 menunjukkan yang defendan ketiga menyatakan yang mereka ingin terlibat dalam projek berkenaan dengan defendan pertama dan menyebabkan cadangan tersebut diserahkan kepada defendan ketiga. Keterangan ini disokong oleh keterangan dari SD1 semasa disoal balas.

**[127]** Walaupun defendan kedua tahu yang plaintif terlibat di dalam projek tersebut, defendan keempat masih membantu defendan ketiga untuk mendapatkan cadangan tersebut. SD1 di dalam keterangan beliau akui yang defendan ketiga dan defendan keempat tahu yang plaintif terlibat dalam projek tersebut.

**[128]** Walaupun defendan kedua dan defendan ketiga serta defendan keempat tahu yang plaintif terlibat dalam penyediaan cadangan tersebut, defendan kedua dan defendan ketiga masih menggunakan cadangan tersebut sebagai kepunyaan mereka sendiri dan menyerahkannya kepada Kerajaan Malaysia bagi tujuan mendapatkan projek tersebut.

**[129]** Defendan pertama tahu akan konspirasi antara defendan kedua hingga defendan keempat ini, defendan pertama cuba untuk perbaiki keadaan dan defendan pertama melalui surat bertarikh 1 Mac 2006 (ikatan B ms. 208 hingga 210) menulis kepada Setiausaha Sulit Utama, pejabat Perdana Menteri menjelaskan keadaan sebenarnya.

**[130]** SD1 di dalam keterangan beliau menyokong mengenai keterangan di atas. Dalam pemeriksaan balas beliau akui seperti berikut:

Q : You are asking for the political secretary to bring this to the attention of Prime Minister to intervene?

A : Yes.

**[131]** Selanjutnya dari keterangan SD1 yang disokong oleh surat bertarikh 20 Mac 2006 (ikatan B ms. 213 dan 214) menyatakan bahawa Encik Zhou dari defendan keempat telah mengarahkan SD1 dari defendan pertama untuk menyerahkan cadangan tersebut kepada defendan ketiga, Encik Zhou kemudiannya telah mengarahkan defendan pertama untuk tidak terlibat dengan projek tersebut.

**[132]** Dari perkara-perkara di atas, defendan pertama yang merupakan sebahagian daripada kumpulan defendan keempat, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat telah mendapat keuntungan hasil dari usaha-usaha plaintif manakala plaintif telah dinafikan hak yang sepatutnya beliau dapat melalui cadangan kepunyaan beliau itu disebabkan oleh konspirasi menipu plaintif oleh defendan pertama hingga defendan keempat. Dalam tindakan ini terdapat keterangan yang mencukupi bahawa konspirasi telah dilakukan.

**[133]** Berdasarkan pada keseluruhan keterangan yang dikemukakan di dalam kes ini mahkamah dapati bahawa defendan pertama telah melanggar syarat-syarat perjanjian antara plaintif dan defendan pertama, bila defendan pertama telah menyerahkan cadangan tersebut kepada defendan kedua tanpa kebenaran bertulis dari plaintif.

**[134]** Plaintif telah melakukan kerja-kerja di dalam membantu defendan pertama menyediakan cadangan tersebut. Cadangan tersebut merupakan maklumat sulit di antara plaintif dan defendan pertama.

**[135]** Plaintif dan defendan pertama merupakan tuan punya kepada cadangan tersebut. Walau bagaimanapun untuk cadangan tersebut untuk diberikan kepada pihak ketiga, perlu mendapat kebenaran bertulis di antara mereka terlebih dahulu. Mahkamah dapati cadangan tersebut adalah kepunyaan plaintif dan defendan pertama dan untuk defendan pertama menyerahkan cadangan tersebut pada defendan kedua, defendan pertama perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada plaintif tapi defendan pertama gagal berbuat demikian.

**[136]** Defendan kedua juga telah campur tangan secara salah di dalam perniagaan plaintif dan menyebabkan plaintif dinafikan hak-hak yang sepatutnya beliau berhak. Defendan pertama hingga defendan keempat juga telah berkonspirasi menipu plaintif dengan mendapatkan cadangan tersebut. Menggunakan cadangan tersebut sebagaimana kepunyaan mereka sendiri dan akhirnya defendan ketiga telah mendapat projek tersebut dengan mengemukakan cadangan kepunyaan plaintif dan defendan pertama. Plaintif langsung tidak mendapat apa-apa keuntungan hasil dari konspirasi tipuan yang dilakukan itu. Plaintif telah dinafikan hak yang sepatutnya beliau perolehi.

**Kesimpulan**

**[137]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya putuskan bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan pertama diluluskan untuk ganti rugi am bagi kemungkiran kontrak, ganti rugi am bagi konspirasi menipu plaintif dan kos tindakan ini.

**[138]** Tindakan plaintif terhadap defendan kedua diluluskan untuk ganti rugi am gangguan perniagaan plaintif yang salah disisi undang-undang, ganti rugi am bagi memperolehi secara salah cadangan tersebut kepunyaan plaintif bersama defendan pertama melalui tipuan atau perdayaan, ganti rugi am bagi konspirasi menipu plaintif dan kos tindakan ini.

**[139]** Ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh pendaftar dan kos tindakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua untuk dihujahkan bersama dengan taksiran ganti rugi.